

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA ABDUL
AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian membantu memberikan nafas baru kepada persatuan belia di luar bandar yang tidak bergerak aktif untuk kembali positif demi memperkasa masa depan persatuan belia di negara ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi perhatian kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Pendaftaran pertubuhan belia ini merangkumi pertubuhan belia di kawasan bandar dan juga luar bandar. Bagi memastikan pertubuhan belia berdaftar ini bergerak aktif dan melaksanakan fungsi serta peranan dalam aspek pembangunan dan penyerlahan potensi belia, Kementerian melalui Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia dan Jabatan Belia dan Sukan Negara telah melaksanakan bengkel serta kursus yang berkaitan urus tadbir baik berpandukan keperluan pematuhan Akta 668 dan aspek pembangunan kepimpinan seperti Bengkel Tadbir Urus Pertubuhan Belia yang telah dilaksanakan di peringkat negeri sebanyak 15 Program dan Kursus Kepimpinan Organisasi (KPO) di peringkat daerah sebanyak 121 program yang melibatkan sasaran penyertaan seramai 4,840 orang peserta.

SOALAN NO : 503

2. Pelaksanaan bengkel dan kursus tersebut adalah bertujuan memastikan pergerakan pertubuhan belia berdaftar terus kekal aktif dan mematuhi keperluan Akta 668 selain melahirkan pemimpin baru pertubuhan belia yang mahir dalam bidang pengurusan organisasi, mempunyai kompetensi kepimpinan yang tinggi serta berkebolehan untuk mengambil alih kepimpinan pertubuhan belia pada masa akan datang.

3. Pemantauan berterusan juga dibuat terhadap pertubuhan belia berdaftar melalui penguatkuasaan penghantaran Maklumat Yang Kena Diberi (MYKD) yang merupakan pelaporan tahunan yang perlu dikemukakan oleh pertubuhan belia berdaftar di bawah Akta 668 kepada Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY). Penarafan keaktifan (*Star Rating*) pertubuhan belia yang berlandaskan kepada rekod penghantaran MYKD ini memberikan rangsangan kepada pertubuhan-pertubuhan belia untuk terus kekal aktif kerana Star Rating dijadikan penanda aras dalam penentuan pemberian bantuan oleh pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.